



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 6 OKTOBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	6 SAMPEL TANAH DIAMBIL, PILI KERING LAGI, HM -2 PEMILIK LADANG TERNAKAN, KILANG BAKAL DIDAKWA, PILI KERING LAGI, HM -2 BAU BANGKAI ORGANIK, PILI KERING LAGI, HM -3 PUNCA MASIH DALAM SIASATAN, PILI KERING LAGI, HM -3 PEMBANGKANG DESAK KERAJAAN SELANGOR CARI PENYELESAIAN SEGERA, PILI KERING LAGI, HM -3 CUCI REBAN ITIK, ANGSA PUNCA SUNGAI SEMENYIH BERBAU, NASIONAL, BH -6 273 KAWASAN ALAMI GANGGUAN BEKALAN AIR, NASIONAL, BH -6	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
8. 9. 10. 11.	APMM PAHANG TAHAN KAPAL INDUK BOT NELAYAN VIETNAM, NEGERI PAHANG, SH -22 'IBU KAPAL' VIETNAM DITAHAN, DALAM NEGERI, UM -33 PENYU JANTAN MATI DIBUNUH, DALAM NEGERI, UM -12 PROTECTING MALAYSIAN TURTLES, ONE STEP AT TIME, HOME, BORNEO POST (KK) -5	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
12. 13. 14. 15. 16.	MINYAK KELUAR DARI TANAH, DALAM NEGERI, UM -5 PESARA SERONOK BERCUCUK TANAM, DALAM NEGERI, UM -13 HASIL LUMAYAN BIDANG BAHARU, WARNA-WARNI KEHIDUPAN, SH -14 FOUL SMELL FROM DUCK AND GOOSE FARM, NEWS/NATION, NST -8 DRON GANTI TENAGA KERJA MANUSIA, GAYA TANI, UM -24	LAIN - LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

6/10/2020

HARIAN
METROPILI KERING
LAGI

2

Oleh Suraya Raelan
suraya@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

6 SAMPEL TANAH DIAMBIL

Lokasi utama punca penutupan dua LRA sudah dikenal pasti

Lokasi utama yang disyaki menjadi punca pencemaran di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi dikenal pasti di kawasan belukar di pinggir kawasan industri Jalan Emas, Kawasan Perindustrian Nilai, Negeri Sembilan.

Kementerian Alam Sekitar dan Air (Kasa) dalam satu kenyataan semalam memaklumkan sejumlah bahan buangan serta bahan sebatian organik yang tersisa ditemui di lokasi itu.

"Bau busuk bahan buangan yang ada adalah hampir menyamai bau yang menjadi punca LRA Sungai Semenyih henti tugas sejak Ahad.

"Sebanyak enam sampel tanah diambil Jas Negeri Sembilan dan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia manakala Majlis Bandaraya Seremban serta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) akan membersihkan sisa pukat di

lokasi berkenaan," katanya. Turut hadir di lokasi itu ialah oleh Ketua Setiausaha Kasa, Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Perkhidmatan Air Negara (Span), Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (Jas),

Pengarah Badan Kawal Selia Air Negeri Sembilan, polis dan Syarikat Air Selangor.

Menurutnya, kawasan pembuangan sisa organik ini dikawal rapi oleh Jas Negeri Sembilan dan polis.

"Sisa buangan haram yang dijumpai ini disyaki diuruskan oleh syarikat tidak

berdaftar dan siasatan oleh polis, Span dan Jas akan merujuk kepada penemuan di kawasan ini sebagai sumber sekunder.

"Pihak Pengurusan Air Selangor belum dapat memulihkan bekalan disebabkan kesan bau yang masih kuat (7 hingga 8 ton) namun sedang berusaha untuk memulihkan bekalan secepat mungkin apabila kesan bau dapat dikurangkan kepada 0 ton," katanya.

“Sisa buangan haram yang dijumpai disyaki diuruskan syarikat tidak berdaftar”
Kenyataan Kasa

Pemilik ladang ternakan, kilang bakal didakwa

Kuala Lumpur: Beberapa pemilik ladang ternakan dan kilang di kawasan Perindustrian Nilai, Negeri Sembilan yang dikenal pasti punca pencemaran air di Sungai Semenyih dan Sungai Langat akan didakwa dalam masa terdekat.

Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air (Kasa) Datuk Seri Dr Ir Zaini Ujang berkata, pihaknya dengan kerjasama beberapa agensi lain sedang menyiapkan kertas siasatan untuk membawa mereka ke muka pengadilan selepas didapati menyebabkan operasi Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi dihentikan sejak jam 4.30 petang Ahad.

"Kita sedang berusaha mengenal pasti tempat (pencemaran) termasuk lokasi peremuan terbaru sisa kumbahan organik dari kilang di kawasan Perindustrian Nilai dan akan mengambil tindakan perundangan terhadap mereka.

"Pihak kami sedang berusaha menyiapkan beberapa (kertas) siasatan hari ini dan mendakwa mereka terbabit. Pastinya ia memerlukan kerjasama semua pihak terutama Jabatan Alam Sekitar, Lembaga Urus Air Selangor (Luas), Syarikat Air Negeri Sembilan (Sains), polis dan sebagainya," katanya kepada Harian Metro.

Dr Zaini berkata, untuk tempoh jangka panjang, pihaknya kini sedang mengkaji akta baharu untuk mendakwa mereka yang menyebabkan loji rawatan air ditutup.

Bellau turut mengesahkan ladang ternakan angsa dan itik serta kawasan perindustrian di Negeri Sembilan disyaki punca

pencemaran bau di Sungai Semenyih dan Sungai Langat dekat Selangor.

Dua lokasi punca pencemaran itu masing-masing dikatakan di Kawasan Perindustrian Nilai 3 serta sebuah ladang ternakan itik dan angsa dekat Pajam, Negeri Sembilan.

Sementara itu, Menteri Alam Sekitar dan Air Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, empat kumpulan dibentuk bagi mengenal pasti punca pencemaran bau Sungai Semenyih yang menyebabkan operasi Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi dihentikan.

Katanya, empat kumpulan itu dibentuk hasil mesyuarat Jabatan Alam Sekitar (Jas) Negeri Sembilan pagi semalam dengan beberapa agensi kerajaan termasuk Jabatan Veterinar dan Jabatan Perikanan. "Hasil mesyuarat itu sebanyak 21 premis disenarai pendek untuk siasatan," katanya.



PEGAWAI Jas Negeri Sembilan mengambil sampel tanah di lokasi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/10/2020	HARIAN METRO	PILI KERING LAGI	3



DAIAN buangan botol plastik dan sampah lain-lain yang terdapat di kawasan ini. Kawasan ini adalah kawasan perindustrian.



KEADAHAN air Sungai Pajam yang berbau tidak sedap kerana pencemaran air di Sungai Semenyih.



ORANG awam dari sekitar Petaling mengambil air dari pili awam susulan LKA Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi terpaksa dihenti tugas sepenuhnya.

BAU BANGKAI ORGANIK

Aktiviti cucian reban itik, angsa disyaki punca pencemaran di Sungai Semenyih, Langat

Bernama Selain itu, katanya, punca lain yang disyaki adalah kawasan Perindustrian Nilai 3 dan berharap kerajaan Negeri Sembilan dapat mengambil inisiatif menyasat perkara tersebut.

Loji Pembersihan Air (LPA) Semenyih dan Bukit Tampoi terpaksa dihentikan pada jam 4.30 petang. Ahad lalu susulan pencemaran bau dikesan di Sungai Semenyih dan Sungai Langat yang menyebabkan gangguan bekalan air.

Hee berkata, bacaan bau kelmarin antara tiga dan empat ton dikesan di muka satik LPA Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi dan bacaan itu naik sehingga mencecah 11 ton.

"Bacaan bau pada jam 9.30 pagi hari ini (semalam) adalah dalam lapan ton dan berada dalam tahap tidak stabil. Kedua-dua LPA ini dijangka dapat dibuka semula petang nanti, sekiranya bacaan bau berada di zero ton," katanya.

Pencemaran bau itu menyebabkan 273 kawasan terjejas membabitkan 309,605 akaun pengguna di empat wilayah iaitu Wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang, mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual.

Hee berkata, dua pam digerakkan untuk membekalkan 27 juta liter sehari (JLD) di Sungai Langat manakala 300 JLD di Sungai Semenyih.

Punca masih dalam siasatan

Seremban: Kerajaan Negeri Sembilan sedang menunggu laporan terperinci daripada Jabatan Alam Sekitar (Jas) negeri berhubung pencemaran sungai di Batang Benar, Nilai.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri S Veerapan berkata, selain itu, pihaknya turut menunggu laporan terperinci daripada Badan Kawal Sella Air (BKSA) negeri.

"Mengikut siasatan setakat malam tadi (kelmarin), Pengarah Jas negeri Azuri Azizah Saedon memaklumkan punca masih belum diketahui dan setakat ini, ia adalah berdasarkan andaian.

"Pertama, pencemaran berkemungkinan dari ladang itik di Kuala Sungai Pajam iaitu bersempadan dengan Negeri Sembilan dan Selangor, *leachate* (bahan larut lesap) dari tapak pelupusan Pajam dan seterusnya dari kawasan industri Nilai 2, iaitu mungkin dari kilang memproses telur ayam," katanya.

Beliau berkata, punca sebenar pencemaran masih dalam siasatan dan pihak berkepentingan berada di lokasi di Batang Benar untuk melihat dan akan mengadakan perbincangan tindakan susulan.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, Veerapan berkata pihaknya turut dimaklumkan mengenai terdapat kejadian tumpahan minyak berhampiran Sekolah Menengah Kebangsaan Gelay, Port Dickson, kelmarin. - Bernama

Pembangkang desak kerajaan Selangor cari penyelesaian segera

Sabak Bernam: Kerajaan Selangor didesak bertindak secara agresif menyelesaikan masalah air yang sekian lama membelenggu rakyat negeri ini.

Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri (Dun) Selangor Rizam Ismail berkata, ia semakin serius dan perlu diambil perhatian sewajarnya sebelum rakyat menagih dan melutut kepada kerajaan supaya masalah itu diselesaikan.

"Pertama sekali, saya ingin bertanya kepada Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Selangor, Ng Sze Han.

"Adakah beliau tidak mengawal selia kilang yang beroperasi di negeri ini sehingga terlalu banyak kes masalah air yang berpunca daripada pencemaran sungai oleh kilang tidak bertanggungjawab?"

"Apakah beliau tidak belajar dari kesilapan lepas? Rakyat sudah tidak mampu lagi berdepan dengan masalah air yang tiada kesudahan ini," katanya menerusi satu kenyataan di sini.

Dalam pada itu, beliau menegaskan rakyat negeri ini di bawah tanggungjawab Kerajaan Selangor dan Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari.

"Kedua, saya ingin bertanya kepada Menteri Besar yang juga merupakan Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (Luas).

"Adakah anda sedia maklum masalah air di negeri ini adalah masalah kritikal rakyat? Hingga kini, masih tiada pelan atau *blueprint* dalam penyelesaian masalah air.

"Jika tidak mampu (fikirkan penyelesaian), saya sarankan beliau lepaskan jawatan dan berikan kepada orang yang mempunyai idea dan solusi," katanya.



Cuci reban itik, angsa punca Sungai Semenyih berbau

Bahan buangan haram, sebatian organik tersisa turut ditemui dalam belukar di kawasan industri Nilai

Oleh Rohaniza Idris, Ahmad Suhael Adnan, Muhammad Yusri Muzamir, Noor Atiqah Sulaiman dan Mohd Amin Jalli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bahan buangan haram dan sebatian organik tersisa, dikenal pasti punca pencemaran terhadap Sungai Semenyih dan Sungai Langat dekat sini.

Aktiviti pencucian secara besar-besaran kawasan reban itik dan angsa yang disalurkan terus ke Sungai Pajam, Negeri Sembilan, juga didakwa menjadi punca pencemaran bau air sungai terbabit.

Kementerian Alam Sekitar dan Air memaklumkan, bahan buangan haram dan sebatian organik itu ditemui dalam belukar di pinggir kawasan industri di Jalan Emas, Kawasan Perindustrian Nilai di Negeri Sembilan.

Menterinya, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man, berkata lokasi punca pencemaran dikesan dalam kawasan belukar terbabit susulan penemuan sejumlah bahan buangan dan sebatian organik dijumpai.

"Bau busuk hampir menyamai bau yang menjadi punca LRA (Loji Rawatan Air) Sungai Semenyih henti tugas semalam (kelmarin)," katanya yang berkongsi beberapa foto di lokasi yang dikenal pasti.

Susulan pencemaran itu juga, Tuan Ibrahim berkata, empat kumpulan dibentuk dalam mesyuarat Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sembilan dengan beberapa agensi kerajaan, termasuk Jabatan Per-

khidmatan Veterinar dan Jabatan Perikanan, pagi semalam.

"Hasil mesyuarat itu menyenarai pendek 21 premis untuk siasatan," katanya.

Terdahulu, kementerian itu memaklumkan, sisa buangan haram itu disyaki diuruskan syarikat tidak berdaftar dan siasatan polis, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) serta JAS akan merujuk penemuan di kawasan berkenaan sebagai sumber sekunder.

Susulan penemuan itu, enam sampel tanah diambil JAS Negeri Sembilan dan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia, manakala Majlis Bandaraya Seremban dan Perba-

danan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) membersihkan segera sisa pukat di lokasi berkenaan.

Pada masa sama, kawasan pembuangan sisa organik itu dikawal rapi JAS Negeri Sembilan, manakala polis memantau kawasan itu.

Walaupun punca pencemaran dikenal pasti, namun kementerian memaklumkan pengurusan Air Selangor belum dapat memulihkan bekalan disebabkan kesan bau masih kuat iaitu di antara tujuh hingga lapan pada Ukuran Kadar Bau (TON).

Sementara itu, EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Tek-



Petugas Jabatan Alam Sekitar memeriksa belukar di pinggir kawasan industri di Jalan Emas, Kawasan Perindustrian Nilai di Negeri Sembilan, semalam.

Bahan buangan haram serta sebatian organik tersisa disyaki dibuang di kawasan perindustrian Nilai.



nologi dan Inovasi serta Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian, berkata aktiviti pencucian secara besar-besaran kawasan reban itik dan angsa di tepi Sungai Pajam, Negeri Sembilan, menjadi punca pencemaran bau air Sungai Semenyih dan Sungai Langat.

Beliau berkata, ini susulan pencemaran yang dikesan daripada bau bangkai, hasil daripada bahan organik dan bukannya minyak yang mencetuskan bau sehingga 11 TON di muka sauk LRA Sungai Semenyih dan Sungai Langat di sini, tengah malam kelmarin.

Katanya, susulan kejadian itu, dua pam berkapasiti 300 juta liter sehari (JLD), manakala dua lagi pam dengan kapasiti 27 JLD sudah diaktifkan, masing-masing di LPA Sungai Semenyih dan LPA Sungai Langat, bagi kerja pencairan pencemaran bau.

Sementara itu, Polis Diraja Ma-



Keadaan air Sungai Pajam disyaki punca pencemaran di Sungai Semenyih. (Foto Asyraf Hamzah /BH)



laysia (PDRM) akan mengambil tindakan terhadap pihak yang bertanggungjawab menyebabkan pencemaran bau terhadap dua LRA terbabit sehingga terpaksa dihent tugas sepenuhnya, kelmarin.

Timbalan Ketua Polis Selangor Datuk Arjunaidi Mohamed, berkata PDRM akan memberi laluan kepada JAS melakukan siasatan terlebih dahulu bagi mengenal pasti pihak yang akan dikenakan tindakan ekoran insiden itu.

"Dua loji yang terpaksa dihenti tugas itu memang berada di kawasan Selangor tetapi berdasarkan siasatan awal punca pencemaran terbabit LRA terbabit berlaku di Negeri Sembilan.

"Pencemaran berlaku bermula dari kawasan hulu sungai itu (Sungai Semenyih) sehingga LRA berkenaan maka kami akan melihat dahulu siapa yang benar-benar bertanggungjawab," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/10/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	7



Sungai Langat

273 kawasan alami gangguan bekalan air

Kuala Lumpur: Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi masih belum beroperasi setakat jam 6.30 petang semalam, selepas lebih 24 jam dihentikan akibat pencemaran bau yang dikesan di Sungai Semenyih dan Sungai Langat, petang kelmarin.

Ia bermakna 273 kawasan memabihkan 309,606 akaun pengguna yang mengalami gangguan bekalan air akibat penghentian tugas LRA itu, terus berdepan ketidak-tentuan mengenai pemuliharaan bekalan air.

Ketua Komunikasi Korporat

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Elna Baseri, berkata kedua-dua LRA itu tidak dapat beroperasi kerana tahap pencemaran di muka sauk mendapati ia masih belum berada pada tahap sifar TON (Kadar Ukuran Bau).

"Ujian persampelan yang dijalankan sehingga jam 6.30 petang mendapati tahap pencemaran di muka sauk LRA Sungai Semenyih adalah 2 TON dan bacaan di muka sauk LRA Bukit Tampoi pula pada tahap 9 TON.

"LRA hanya boleh beroperasi apabila tahap pencemaran berada pada tahap sifar TON sebanyak tiga kali berturut-turut semasa ujian persampelan air mentah dilakukan," katanya dalam satu kenyataan, petang semalam.

Operasi LRA Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi dihentikan pada jam 4.30 petang kelmarin akibat pencemaran itu yang disyaki berpunca daripada aktiviti pencucian besar-besaran yang dijalankan di kawasan reban itik dan angsa di tepi Sungai Pajam serta kawasan

perindustrian Nilai 3, Negeri Sembilan.

Elna berkata, Air Selangor menggerakkan 79 lori tangki air ke premis kritikal, sekolah serta kawasan perumahan yang terjejas bagi memastikan penduduk terjejas mendapat bekalan air sementara.

Selain itu, katanya, 20 tangki statik, 10 stesen pengisian setempat, sembilan pusat khidmat setempat (PKS) dan 13 pilli awam juga disediakan untuk kemudahan pengguna mendapatkan bantuan bekalan air.

"Air Selangor akan mengemaskini maklumat gangguan bekalan air tidak berjadual dari semasa ke semasa menerusi semua medium komunikasi Air Selangor termasuk Twitter, Facebook, Instagram dan laman sesawang kami di www.airselangor.com.

"Pengguna juga digalakkan memuat turun aplikasi telefon pintar Air Selangor di Google Play atau Apps Store untuk mendapatkan maklumat terkini bekalan air," katanya.



LRA hanya boleh beroperasi apabila tahap pencemaran berada pada tahap sifar TON sebanyak tiga kali berturut-turut semasa ujian persampelan air mentah dilakukan.

Elna Baseri, Ketua Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor



Antara lokasi anak sungai yang disyaki tercemar di Sungai Bukit Besar. (Foto Azrel Adnan/Media Aneka/Utusan)



Penduduk sekitar Petaling mengambil air dari pilli awam susulan loji Rawatan Air Sungai Semenyih dan Bukit Tampoi dihentikan.



Penduduk Perumahan Penjawat Awam Presint 16 Putrajaya turut terjejas akibat pencemaran bau Sungai Semenyih. (Foto Luqman Hakim Zubir/BH)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/10/2020	SINAR HARIAN	NEGERI PAHANG	22

APMM Pahang tahan kapal induk bot nelayan Vietnam

KUANTAN - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pahang menahan sebuah bot nelayan asing dari Vietnam petang Sabtu lalu kerana menceroboh perairan negeri ini pada kedudukan 36 batu nautika tenggara Kuala Pahang.

Turut ditahan dalam Ops Kuda Laut kira-kira jam 3 petang ialah tekong dan 12 awak-awak dari negara itu yang berusia dalam lingkungan 21 hingga 49 tahun kerana memiliki dokumen meragukan.

Pengarah APMM Pahang, Laksamana Pertama Maritim Amran Daud berkata, bot yang disyaki berperanan sebagai kapal induk itu memungut hasil laut

daripada bot-bot nelayan asing yang menjalankan aktiviti menangkap ikan secara haram dalam zon perairan negara ini.

Beliau berkata, susulan penahanan bot terbabit, anggota APMM turut merampas 3.5 tan sotong basah, 500 kilogram ikan campur dan 1,000 liter minyak diesel dengan nilai keseluruhan dianggarkan mencecah hampir RM2 juta.

“Bot berkenaan dibawa ke Zon Maritim Kemaman manakala tekong dan awak-awak diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk siasatan lanjut,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 15(2) dan Seksyen 16(3) Akta

Perikanan 1985 kerana memuat dan mengunggah hasil laut serta memasuki perairan Malaysia tanpa kebenaran serta Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 kerana memasuki perairan Malaysia tanpa pas kebenaran yang sah.

Amran berkata, sehingga semalam, APMM Pahang melakukan 2,559 pemeriksaan dan 30 tangkapan dibuat melibatkan pelbagai kesalahan dengan 16 tangkapan melibatkan bot nelayan asing dari Vietnam.

Beliau berkata, sebarang maklumat mengenai kesalahan atau jenayah di perairan negara boleh menghubungi talian MERS 999 atau Pusat Operasi Maritim Negeri Pahang di talian 09-5717345.



Bot nelayan asing dari Vietnam yang bertindak sebagai kapal induk dibawa ke Zon Maritim Kemaman selepas ditahan, petang Sabtu lalu.

'Ibu kapal' Vietnam ditahan

Oleh **MOHA MADSHOFI**
MAT ISA
 shofitisa@medianullia.com.my

KUANTAN: Sebuah bot nelayan asing bersama 13 kru termasuk tekong yang menceroboh perairan Pahang di tenggara Kuala Pahang ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) dalam Op Kuda Laut, 3 petang kelmarin.

Pengarah Maritim Negeri Pahang, Laksamana Pertama Maritim Amran Daud berkata, bot berkenaan dengan nombor pendaftaran KRM 1 disyaki 'ibu kapal' kepada bot-bot nelayan asing.

Katanya, bot itu disyaki bertindak sebagai kapal induk yang memungut hasil laut bot-bot nelayan asing yang menjalankan aktiviti menangkap ikan secara haram dalam zon perairan negara.

Keseluruhan rampasan hasil laut, termasuk bot serta bekalan diesel dianggarkan bernilai hampir RM2 juta.

AMRAN DAUD

"Berdasarkan nombor pendaftaran, bot berkenaan dipercayai dari Vietnam dan pemeriksaan lanjut menemukan muatan 3.5 tan sotong basah, 500 kilogram ikan campur serta 1,000 liter bekalan diesel.

"Keseluruhan rampasan hasil laut, termasuk bot serta bekalan diesel dianggarkan

bernilai hampir RM2 juta. Bot dibawa ke Zon Maritim Keselamatan dan Keselamatan Kru Warga Vietnam berusia 21 hingga 49 tahun yang memiliki dokumen diragui diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk siasatan lanjut," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Amran berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 15(2) dan Seksyen 16(3) Akta Perikanan 1985 kerana memuat dan memunggah hasil laut serta memasuki perairan Malaysia tanpa kebenaran serta Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 (memasuki perairan Malaysia tanpa pas kebetuhan yang sah).

"Sabit ke salah tekong boleh dikenakan denda tidak melebihi RM6 juta

manakala semua awak-awak boleh didenda tidak melebihi RM600,000 setiap seorang," katanya yang memaklumkan kesemua warga Vietnam itu turut menjalani ujian saringan Covid-19

Beliau berkata, sehingga semalam, Maritim Malaysia Pahang telah melakukan 2,559 pemeriksaan dan 30 tangkapan melibatkan pelbagai ke-

salahan dan daripada jumlah tersebut 16 tangkapan dari bot nelayan asing Vietnam.

Dalam pada itu, orang ramai disaran memberi kerjasama dan bersama-sama membantu menangani kesalahan atau jenayah di perairan negara dengan menghubungi talian MERS 999 atau Pusat Operasi Maritim Negeri Pahang (09-5777345).



BOT nelayan asing disyaki 'ibu kapal' ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) kerana menceroboh perairan Pahang.

6/10/2020

UTUSAN

DALAM

12

MALAYSIA

NEGERI

Penyu jantan mati dibunuh

Oleh ROSALINDA MD SAID
rosalinda.said@mediamula.com.my

KUALA TERENGGANU: Seekor penyu jantan dewasa ditemui mati dipercayai dibunuh nelayan dalam kejadian di Kampung Mengabang Telipot di Kuala Nerus dekat sini.

Ketua Makmal Penyelidikan Institut Oseanografi dan Sekitaran Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr. Mohd. Uzair Rusli berkata, bangkai reptilia itu ditemukan penduduk kampung berkenaan dalam keadaan menyayat hati, tengah hari semalam.

Katanya, hasil penelitian bersama Jabatan Perikanan mendapati bahagian esofagus terputus dengan sempurna seolah-olah dikelar manakala kaki belakang dan ekor pula hancur dimakan biawak.

Jelasnya, tempoh kematian hidupan marin yang terancam itu dikesan kurang daripada 48



pukat kerana meronta-ronta untuk melepaskan diri," katanya semalam.

Menurut Mohd. Uzair, tindakan penguatkuasaan terhadap pesalah amat mencabar kerana sukar untuk menentukan pemilik pukat berkenaan sama ada nelayan berlesen mahu pun tempatan atau asing.

Bagaimanapun, katanya, kejadian itu mampu memberi ancaman amat besar kepada populasi penyu negara terutama ketika penghasilan induk jantan pada masa ini yang teralu sedikit.

"Memang kita tahu ada kes penyu mengganggu aktiviti perikanan dan akuakultur, tetapi kita harap nelayan dapat menguruskan situasi itu dengan belas kasihan kepada haiwan."

"Kita juga sedar ada pihak mengambil pendekatan membaling mencung ke arah haiwan marin untuk menakutkan mereka," katanya.

BANGKAI penyu jantan dewasa yang ditemui mati dengan bahagian halkum terputus dipercayai akibat dibunuh nelayan, dalam kejadian di Kampung Mengabang Telipot di Kuala Nerus, Terengganu. - IHSAN FACEBOOK DR. MOHD. UZAIR RUSLI

jam berikutan organ dalaman yang masih sempurna tanpa pembengkakan ketara di samping tiada kecederaan luaran di bahagian karapas dan plastron.

"Kami menemuramah beberapa nelayan tempatan dan mereka turut membuat andaian kematian penyu jantan dewasa itu bukan semulajadi, sebaliknya

nya telah dibunuh. "Motif pembunuhan adalah kerana penyu tersangkut pada pukat yang ditinggalkan di laut dan lazimnya akan merosakkan

Headline	Protecting Malaysian turtles, one step at time		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	06 Oct 2020	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	5	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	299 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 834
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,502



Protecting Malaysian turtles, one step at time

PORT DICKSON: From July to November every year, Hishamudin Abd Manap dutifully walks for three kilometres along the coast and navigates hill slopes for almost 30 minutes daily to collect turtle eggs. He could not be prouder in playing his part in conservation efforts for the endangered marine animals.

Hishamudin, 49, affectionately called Along, who works as a part-time supervisor at a turtle conservation and hatchery centre at a resort here, said that he gives his best in carrying out his job, being fully aware of the responsibility of caring for the animals that often get the attention of many people.

"I have been handling turtles for almost 10 years now due to my deep interest in marine life. I am fully aware that if its population is not protected, it may face extinction," he told Bernama, here, yesterday.

Recounting one of the most challenging things in performing his job, Along said that it is important to ensure that the position and arrangement of turtle eggs to be placed in the turtle hatchery is the same as when collected in the nest.

He said that, to avoid confusion, each egg will be marked with its original position using a pencil, and be collected carefully.

"Turtle eggs are sensitive - when the mother lays eggs and they fall into the sand, the baby turtle's head automatically points towards the surface. That is why it is important that the position is not changed accidentally.

"The turtles will land on the beach up to four times in any one season. The first time they will lay about 150 eggs, then they will go down to the sea and back to the beach again 10 days later to lay eggs, the number of eggs will be slightly reduced, and so on," he said.

The father of eight said that the egg collection season is from July to November and he will usually supervise between seven and eight nests, while egg collection will be done between 1 am and 3 am as at that time the turtles will lay their eggs.

He said that those who perform this activity must obtain a licence to carry out landing, monitoring and collecting turtle eggs in advance from the Fisheries Department.

"In Negeri Sembilan, only a friend and myself have a licence to carry out this job. Members of the public are not allowed to collect the eggs at will, as I have had to undergo a landing, monitoring and turtle hatchery management course for that purpose," he said.

The Negeri Sembilan

native said the eggs would be moved to the resort, which runs a turtle conservation and hatchery, in collaboration with the Negeri Sembilan Fisheries Department (JPNS), to incubate.

"At the centre we look after the eggs while they incubate, and once they hatch, we will put them in a pond. This is part of our efforts to increase the number of turtles on the coast of this state, especially Tanjung Gemuk beach, Port Dickson as they will be released to the ocean when they are slightly bigger in size, at two or three months old," he said.

Meanwhile, JPNS director Halimi Abu Hanip said that during this year, a total of 170 hawksbill sea turtles have been released in the coastal waters of Negeri Sembilan.

"There are two species of turtles in this state. Apart from the hawksbill, we also have green turtles, with their popular landing locations being in Tanjung Tuan, Port Dickson and several other locations," he said.

He urged the public not to disturb the endangered marine animals and not to take their eggs as turtles are protected under the Negeri Sembilan (Turtles and Turtle Eggs) Rules 1976 and the

Fisheries Act 1985.

Meanwhile, Universiti Malaysia Terengganu (UMT)'s Sea Turtle Research Unit head Dr Mohd Uzair Rusli said that it was important to save the species to preserve the balance of the ocean's ecosystem, especially for the country's fisheries sector.

He said there are four species of turtles in the country, namely, leatherback, hawksbill, green and olive ridley, and each species has a different role that is important to the ecology of the ocean.

"For example, the leatherback turtles serve to control the jellyfish population. The absence of the turtle causes the jellyfish population to increase sharply and this causes a reduction in fish stocks, as the jellyfish will eat the fish eggs and affect the fish supply.

"Meanwhile, the green turtle is important to maintain the health of the fish conservation area, which is seaweed which serves as a place for the young fish to take refuge," he said.

Hawksbill turtles, on the other hand, serve to eat the crown of thorns starfish that are commonly found in coral reef ecosystems, he explained.

"The absence of hawksbill turtles allows the crown of thorns starfish to breed more aggressively and dominate the coral reef ecosystem which affects the provision of food for fish," he said. - Bernama

Minyak keluar dari tanah

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**
badrul.isa@mediamail.com.my

PORT DICKSON: Kejadian limpahan minyak mentah keluar dari tanah di Kampung Gelam dekat sini pada awalnya disangka perbuatan pihak tidak bertanggungjawab yang membuang sisa minyak ke dalam parit.

Seorang nelayan, **Mat Isa Mat Hasan**, 64, berkata, kira-kira pukul 2 petang semalam, dia ke pantai berhampiran Pengkalan Nelayan Kampung Gelam untuk menjala ikan namun hasratnya terbantu apabila melihat terdapat kesan minyak berwarna hitam di pantai.

"Saya teliti dan saya tengok banyak minyak, masa itu saya marah betul kerana fikirkan ada orang yang membuang sisa minyak di sini. Saya naik dan menyusuri parit dan tiba di sini dan perhatikan minyak mentah keluar laju.

"Saya kemudiannya membuat laporan kepada Tenaga Nasional Berhad kira-kira pukul 3.30 petang. Pada masa itu minyak terus keluar malah kaki saya juga terbenam dengan minyak sahaja di kawasan tersebut," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Kejadian itu dikesan di Kilometer 1, Jalan Seremban dekat sini berhampiran dengan Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Gelam sejak petang semalaman yang turut menandakan longkang dan parit dan mengalir ke pantai yang terletak berhampiran.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan Kesihatan, Keperluan dan Alam Sekitar Negeri Sembilan, **S. Veerapau** dalam kenyataan berkata,



AHLI Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sri Tanjung, Datuk M. Ravi meninjau kawasan limpahan minyak yang keluar dari tanah di Kilometer 1, Jalan Seremban, Port Dickson, semalam. - UTUSAN/BADRUL HAFIZAN MAT ISA

tumpahan minyak itu ditemui orang awam kira-kira pukul 2 petang kelmarin.

"Sebagai langkah awal, 'oil boom' telah dipasang di beberapa lokasi untuk mengawal pencemaran minyak daripada mengalir hingga ke laut," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Pengkalan Nelayan Kampung Gelam, **Hussain Ismail**, 52, berkata, dia berharap kerja-kerja mengenal pasti punca dan pembersihan limpahan minyak tersebut dapat diselesaikan segera.

"Saya tahu, kalau kejadian berlaku macam ini, seminggu pun belum tentu boleh pulih. Tetapi minyak ini jika masuk ke laut akan melekat ke tang dan batu, kesannya juga akan kena akan hilang.

"Mungkin kesannya lebih lama daripada itu, tiga atau empat bulan, ini akan menyebabkan sumber nelayan terjejas. Saya harap masalah itu dapat diselesaikan secepat mungkin, yang lebih penting pihak berwajib kena pastikan limpahan minyak ini tidak terus dan sampai

ke laut," katanya.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Port Dickson, **Mohd. Zulkifli Mohd. Talib**, 53, pula berkata, susulan kejadian limpahan minyak mentah tersebut, pihak terkesan tentulah nelayan yang mencari rezeki di kawasan laut yang terletak berdekatan.

"Ikan pun sama seperti manusia yang akan keluar dari kawasan kotor dan pergi ke tempat lain manakala sisa-sisa kimia pada minyak itu akan menyebabkan benih ikan turut mati," katanya.

Tanah seluas 2.4 hektar dengan pelbagai tanaman dunsun jadi pejabat baharu

Pesara seronok bercucuk tanam

Oleh MUHAMMAD ZIKRI
utusannews@mediamail.com.my

PONTIAN: Selepas bersara, bekas Pegawai Kewangan Negeri Johor, Mohd. Nasir Abd. Salam kini lebih selesa menceburi bidang pertanian yang jauh daripada tugasnya sebelum ini sebagai Pegawai Tadbir Negeri.

Menurut Mohd. Nasir, 63, beliau mula merasai keseronokan persaraan dengan 'pejabat baharu' di sebuah kebun terletak di Kampung Parit Keroma Darat, Ayer Baloi di sini dengan suasana hijau dan kedamaian di samping ribuan pelbagai tanaman.

"Sebelum bersara, saya ada terfikir apakah yang perlu dilakukan untuk mengisi masa lapang selepas pencen nanti? Maka pelbagai idea bermain di kepala saya.

"Jadinya, saya mengambil keputusan untuk mengusahakan sebidang tanah seluas 2.4 hektar dengan aktiviti bercucuk tanam dan inilah pejabat baharu saya," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Kata Mohd. Nasir, me-



MOHD. NASIR ABD. SALAM bersama tanaman pisang berangan di kebunnya di Kampung Parit Keroma Laut, Pontian.

mandangkan beliau kurang anif mengenai kerja-kerja cucuk tanam, maka kerja-kerja pena-

naman dibantu oleh sepupunya, Taufik Beraiman, 33, yang juga tinggal di kampung sama.

"Untuk mengusahakan tanah ini, antara kerja perlu dilakukan ialah menebang pokok-pokok

lama termasuk kerja pembersihan dan pembinaan infrastruktur asas sistem perparitan, jalan, pemasangan pagar dan sebagainya.

"Selain itu, ujian tanah juga perlu dilakukan bagi melihat kesesuaian tanah serta lain-lain langkah yang perlu sebelum anak benih tanam dapat ditanam," katanya.

Jelas beliau, untuk keluasan tanah 0.4 hektar, ia ditanam dengan pelbagai tanaman dunsun seperti buah durian, jenis Musang King, durian belanda, rambutan, mempelam, belimbing dan manggis.

Beliau juga bercadang menjadikan kebunnya sebagai tempat tarikan agro pelancongan dan pembelajaran dalam kalangan kaum keluarga serta sahabat handai sambil menikmati keindahan tumbuh-tumbuhan.

"Begitu juga dengan tanaman dunsun sekiranya telah berhasil atau berbuah, mereka dapat menikmati bersama-sama di samping dapat memperkenalkan tanaman tersebut kepada mereka yang berkunjung ke kebunnya," ujarnya.

6/10/2020

SINAR WARNA WARNI

14

HARIAN

KEHIDUPAN

Hasil lumayan bidang baharu

Peniaga makanan bertukar haluan menjadi petani selepas hilang pendapatan akibat Covid-19

Oleh NOR KHALLAH
GUSTI HASSAN

KUANTAN

Tengku Fairuzizam (kanan) bersama pembantu kebun, Muhammad Nazam Mohd Nazri menunjukkan hasil cili baru yang dikumpul di kebunnya di Batu 4 1/2, Nuanatan.

Bermocokkan hanya RM500 pada Februari lalu, seorang peniaga makanan yang menukar haluan menjadi petani kini membuktikan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) baru-baru ini akibat koronavirus (Covid-19) bukan halangan untuk terus maju.

Tengku Fairuzizam Tuan Salleh, 45, berkata, beliau yang kehilangan sumber pendapatan ketika itu mengambil keputusan membeli benih cili, polibeg dan pasir serta mencari tanah kosong untuk diusahakan.

"Alhamdulillah atas sokongan terutama dari Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Inderapura, Dauk Syafiq Fauzan dan Pengerusi Jawatankuasa Komuniti dan Keselamatan Kampung (JKKK), Mohd Tarmizi Yusof akhirnya saya memperoleh suku ekar tanah di Kampung SC Taman Guru, Batu 4, 1/2 untuk diusahakan.

"Saya memilih untuk menanam cili baru kerana permintaan sayuran itu sangat tinggi di pasaran. Tempoh PKP di-



Sedap hari Tengku Fairuzizam akan membolehkan pertumbuhan pokok dengan baik bagi menjaga hasil cili yang dihasilkan.

tabiskan dengan berbudai pada tanah. Alhamdulillah ketika itu saya berjaya memperoleh pulangan hasil pertama sebanyak 80 kilogram.

"Kini harga cili baru bagi pasaran Kuantan sahaja boleh mencecah RM20 ke RM25 sekilogram," katanya ketika ditemui di kebun beliau di Batu 4 1/5 di sini baru-baru ini.

Menurutnya, beliau memilih menggunakan kaedah fertigasi kerana ia merupakan salah satu teknik moden yang paling sesuai untuk pertanian bandar.

Bagi mengembangkan perniagaan ke peringkat lebih jauh, beliau berkongsi dengan seorang rakan dengan sumbangan modal tambahan sehingga RM50,000.

"Tanaman cili ini agak mencahar sebenarnya. Namun ia cepat memperoleh hasil. Kini saya mampu menjual secara pukal tiga bulan sekali. "Mungkin disebabkan negara kita banyak bergantung dengan cili import, jadi



Kawah fertigasi digunakan oleh Tengku Fairuzizam kerana sesuai untuk pertanian dalam bandar.

inisiatif sendiri menghasilkan baja kharkun tani iaitu bancuhan cecair pembasmi serangga perosak jenis organik.

"Walaupun ia tidak sebagai racun kimia, namun penggunaannya menjadikan serangga susah nak dekat. Pokok pula subur dan menghasilkan buah yang cantik dan berkualiti," katanya.

tanaman tempatan mendapat sambutan di sini. Kebanyakan permintaan daripada kawasan setempat iaitu kedai makan, kedai runcit dan pasar harian," katanya. Bagaimanapun, beliau menyangka cabaran seperti serangan siput, hama putih, serangga, pokok yang sensitif dengan hujan dan panas serta kawalan perosak. "Namun kita menggunakan

6/10/2020

NST

NEWS/NATION

8

WATER DISRUPTION

FOUL SMELL FROM DUCK AND GOOSE FARM

Pollutants are organic and from carcasses, says Selangor executive councillor

NOR AN MOHAMED RADHI AND
ADIB POVERA
DENKUIL
news@nsl.com.my

THE foul smell in Sungai Semenyih and Sungai Langat that forced Syarikat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) to halt the operations of its water treatment plants on Sunday is believed to have originated from cleaning activities at a duck and goose farm in Negri Sembilan.

Selangor Environment, Green Technology, Science, and Consumer Affairs Committee chairman Hee Loy Sian said large-scale cleaning at the farm near Sungai Pajam on Sunday had forced Air Selangor to halt operations of its water treatment plants in Sungai Semenyih and Bukit Tampoi.

This led to water-supply disruption to more than 300,000 account holders in 273 locations in Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat and Sepang.

Investigations by Lembaga Urus Air Selangor (Luas) at Sungai Pajam found a foul smell sim-

ilar to that of a carcass," he told a press conference yesterday.

He also confirmed that the pollutants were organic and from carcasses, and not originating from solvents or oil.

Present were Luas director Datuk Hashim Osman and state Department of Environment (DoE) director Nor Aziah Jaafar.

Hee said a subsequent investigation by Luas at Sungai Batang Benar also turned up a foul smell, believed to be from the Nilai 3 Industrial Area in Negri Sembilan.

Asked whether the state would report the incident to the new federal environmental crime unit under the Environment and Water Ministry, he said that it was up to the minister in charge and that the state would lodge a police report on the matter.

He confirmed that a police report would be lodged by Luas and the Selangor DoE.

He said the Negri Sembilan government and its water regulatory body had been informed of the matter and were conducting an integrated investigation at the sites.

Asked whether there were elements of sabotage in the pollution, Hee said that had to be investigated.

The source has been traced to outside Selangor so it's hard for the enforcement officers to cross

the border to investigate.

"We hope Negri Sembilan investigates this and that the department of environment nabs the culprits."

He added that Air Selangor had deployed water tankers and mobile tanks as a contingency.

He said for the time being, Luas with the cooperation of the Department of Irrigation and Drainage, had taken proactive steps by pumping water from Tasik Idaman Sungai Buah to Sungai Semenyih to increase the dilution rate in the river with an estimated capacity of 25 million litres a day.

Asked about the resumption of treatment plants could only release odourless water with a zero threshold odour number (TON).

"Up to 9.30am the reading at both the Sungai Semenyih and Bukit Tampoi treatment plants stood at eight TON.

"We hope to bring this down as soon as possible by flushing the streams down with water, but until it dips to zero we can't open it fully and we can't say when that will happen."

Meanwhile, Environment and Water Minister Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man said 21 premises would be investigated.

He said four task forces had



People lining up to get water from main pipes in Petaling district yesterday. PIC BY GENESV GULTIAH

been shortlisted in the investigations into the river pollution.

"The Negri Sembilan DoE has met several government agencies, including the Veterinary Services Department and Fisheries Department this (yesterday) morning.

"Four groups have been formed to identify the cause of the pollution.

"A total of 21 premises have

been shortlisted in the investigations into the river pollution.

"The Negri Sembilan DoE has met several government agencies, including the Veterinary Services Department and Fisheries Department this (yesterday) morning.

"Four groups have been formed to identify the cause of the pollution.

"A total of 21 premises have



Berubah kepada pertanian berteknologi tinggi

Dron ganti tenaga kerja manusia

PELAJAR dibimbing menggunakan dron secara *hands on* bagi memudahkan pemahaman.



MOHD. Shazwan Suban mengendalikan dron di Arau, Perlis.

Oleh **MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**
hafiz.mutalib@mediamula.com.my

BERDEPAN Revolusi Perindustrian (IR4.0), sektor pertanian juga perlu bergerak seiring dengan penggunaan teknologi dalam bidang tersebut.

Salah satunya adalah penggunaan dron atau pesawat tanpa pemandu (UAV) dalam industri penanaman padi bagi menggantikan kaedah penyemburan racun serangga secara manual.

Kaedah yang semakin popular itu bukan sahaja mampu mengurangkan kebergantungan tenaga kerja malah membantu petani menjimatkan kos dan masa.

Namun, tidak semua termasuk dalam kalangan anak muda yang mahir dengan penggunaan teknologi itu yang memerlukan teknik yang betul mengendalikan dron khususnya dalam bidang pertanian.

Menyedari keperluan itu, Kolej Komuniti Arau dengan kerjasama Woegar AG (M) Sdn. Bhd. mengadakan kursus pengendalian dron bagi *Agriculture Pilot Drone (APD)* selama empat hari pada 11 hingga 14 September lalu.

Seramai 23 peserta terdiri daripada pelajar kolej tersebut menyertai kursus yang memberi pendedahan kepada mereka mengenai



PEKERJA bergambar selepas tamat kursus pengendalian dron bagi *Agriculture Pilot Drone (APD)*.

kaedah mengendalikan dron, pemasangan, penggunaan Sistem Penentu Kedudukan Global (GPS) dan cara menerbangkan dron.

Pengarah Urusan Woegar, Mohd. Shazwan Suban berkata, sepanjang tempoh kursus tersebut, peserta menunjukkan komitmen yang cukup tinggi untuk belajar teknologi berkenaan.

Malah katanya, dalam masa singkat sahaja, rata-

rata peserta juga sudah boleh mengendalikan dron termasuk daripada segi pemasangan dan penggunaan GPS.

Kata Mohd. Shazwan, pihaknya memberi pendedahan dari semua aspek bermula dengan pengenalan mengenai teknologi dron dalam pertanian, cara pemasangan sehinggalah kerja-kerja menerbangkan dron.

"Melihat kepada kesungguhan peserta,



re Pilot Drone (APD) di Kolej Komuniti, Arau, Perlis baru-baru ini. - UTUSAN

mendorong kita menganjurkan kursus seperti ini dalam skala yang lebih besar lagi selepas ini iaitu mengumpul pelajar daripada kolej komuniti seluruh negara menyertainya. "Penggunaan dron khususnya dalam bidang pertanian pada masa ini dilihat penting bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada anak-anak muda yang berminat dalam sektor pekerjaan berasaskan teknologi," katanya

kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

SEDIAKAN 30 DRON
Sementara itu, Mohd. Shazwan berkata, pihaknya menyediakan perkhidmatan 30 buah dron, lengkap dengan tenaga pengajar bagi membantu petani atau sesiapa sahaja belajar mengendalikan peranti tersebut. "Seperti semua sedia maklum IR4.0 bakal memberi



PARA peserta cuba memasang dron dalam kursus *Agriculture Pilot Drone (APD)* di Kolej Komuniti Arau, Perlis.

kesan kepada sektor pertanian. Selaras dengan itu, pihak Woegar mengambil inisiatif untuk bergerak seiring dengan perkembangan revolusi tersebut dengan menyediakan perkhidmatan dron untuk pertanian.

"Selain perkhidmatan dron untuk tujuan penyemburan racun serangga ini, kita juga membantu mereka belajar menguasai penggunaannya. "Sudah tiba masanya

teknologi ini (dron) diperluaskan dalam sektor pertanian kerana ia bukan sahaja lebih berkesan untuk tanaman malah menjimatkan masa dan kos. Setiap musim, kita memerlukan enam kali atau lebih proses menyembur racun ini," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Kolej Komuniti Arau, **Surizan Romli** berkata, kursus tersebut membantu memberi pendedahan kepada pelajar

▲ **PESERTA** mendengar penerangan mengenai teknologi dron dalam kursus bagi *Agriculture Pilot Drone (APD)* di Kolej Komuniti Arau, Perlis baru-baru ini.

◀ **MOHD. Shazwan Suban** (dua, kanan) bersama sebahagian peserta kursus.

KELEBIHAN DRON

- » Mengurangkan penggunaan tenaga kerja, menjimatkan masa serta penggunaan input pertanian dalam jangka masa panjang.
- » Sebagai contoh, penggunaan dron untuk menyembur racun bagi keluasan satu hektar kawasan tanaman padi hanya memerlukan masa sekitar 20 minit berbanding kaedah manual iaitu lebih sejam bagi keluasan sama.
- » Bagi keluasan satu hektar penggunaan dron adalah antara RM60 hingga RM70 berbanding membayar upah tenaga kerja iaitu RM120 bagi keluasan sama dan memerlukan masa yang lebih lama.

menguasai teknologi tersebut. "Diharap pelajar dapat memanfaatkan ilmu yang diperoleh, sepanjang kursus tersebut," katanya.

Dalam pada itu, Kolej Komuniti Arau turut mengadakan kerjasama strategik bersama Woegar dan Ikhwan Afifi Resources Agro Sdn. Bhd. bagi meningkatkan kebolehpasaran pelajar kolej berkenaan.

Selain itu, enam peserta yang menyertai kursus tersebut turut telah ditawarkan pekerjaan dengan Woegar sebagai pemandu atau *pilot* dron.